

Siri
5



جَاهِدَةٌ كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَلِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KONSEP RAHMAH DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT MAJMUK

Nik Omar bin Nik Abdul Aziz

Yang Dipertua
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)





**KONSEP RAHMAH
DALAM KEHIDUPAN
MASYARAKAT MAJMUK**

NIK OMAR BIN NIK ABDUL AZIZ
Yang Dipertua
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)



جَابَاتِن كَمَا جُوانِ اِسْلَامِ مالِيسِيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

www.islam.gov.my

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan risalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara-cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya.

Pencetak:

Firdaus Press Sdn. Bhd.
No. 28, Jalan PBS 14/4
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor



ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	iv
SEULAS PINANG	v
PENDAHULUAN	1
ADAB PERBEZAAN	6
TOLERANSI DAN HAD	7
CABARAN DAN KESAN KEGAGALAN MENGURUS KAUM DAN AGAMA	13
KEWARGANEGARAAN	18
KONSEP RAHMAH SEBAGAI JALAN PENYELESAIAN	20
NILAI UNIVERSAL ANTARA KAUM	23
Nilai kepercayaan	
Nilai ekonomi dan kebendaan	
Nilai kerja	
Nilai kemanusiaan	
Nilai keilmuan	
Nilai akhlak	
Nilai keadilan	
Nilai kekeluargaan	
Nilai alam sekitar	
PEMBINAAN SEMPADAN FAHAMAN LIBERAL DENGAN KONSEP RAHMAH	31
PENUTUP	34
RUJUKAN	36

SEKAPUR SIRIH

YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Alhamdulillah, saya merakamkan berbilang kesyukuran pada Allah SWT kerana masih diberikan kesempatan untuk berada dalam nikmat Iman, Islam dan Ihsan. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan tabi'in RA.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua para penulis dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas usaha menyiapkan buku ini. Buku Penjelasan Konsep Malaysia Negara Rahmah sebanyak 10 buah tajuk ini tampil memberi pencerahan tentang konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* dalam pelbagai disiplin kehidupan dan prinsip kenegaraan. Buku ini padat dengan fakta ilmiah dan penghujahan berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith menurut epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Saya mengharapkan agar buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi menjelaskan konsep sebenar *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia Baharu. Semoga harapan kita untuk memmanifestasikan Malaysia Negara Rahmah menjadi kenyataan. Didoakan agar usaha ini juga menjadi amalan jariah untuk kita semua.

Mujahid Yusof



SEULAS PINANG

Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya buku Penjelasan Konsep Malaysia Negara Rahmah dapat diterbitkan dengan jayanya.

Buku ini menghimpunkan 10 siri artikel yang ditulis oleh para ilmuwan terpilih bagi menjelaskan konsep sebenar *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diterapkan kerajaan. Ia membicarakan tentang Konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* secara menyeluruh merangkumi konsep rahmah dalam kehidupan, pengurusan alam sekitar, tadbir urus, institusi keluarga, masyarakat majmuk, perundangan, sosioekonomi, pengurusan orang kelainan upaya (OKU), urusan muamalat, dan pengurusan institusi masjid. Uniknyanya, buku ini dikupas berdasarkan kepada dapatan kajian dan pengalaman para penulisnya sendiri.

Saya mengharapkan agar buku ini dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi menjelaskan *Konsep Rahmatan Lil 'Alamin* kepada segenap lapisan masyarakat mengikut bahagian-bahagian yang ditulis. Semoga ia juga menjadi wacana dakwah yang berterusan untuk kita semua.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat bagi menjayakan penerbitan buku ini. *Jazakumullah khayral jazak.*

Sekian.

“Melebar Risalah Menyantuni Ummah”

Mohamad Nordin







PENDAHULUAN

Kepelbagaian adalah fitrah manusia dan alam. Walaupun manusia dan alam dijadikan oleh Allah SWT dalam kepelbagaian, mereka pada hakikatnya saling memerlukan di antara satu dengan yang lain. Kepelbagaian dan kesalingan ini adalah salah satu tanda kekuasaan Allah Taala. Kepelbagaian dalam masyarakat majmuk merangkumi kepelbagaian agama, kaum, budaya, undang-undang, bahasa, sejarah, seks, keupayaan manusia dan sebagainya. Untuk mencapai rahmah dan keadilan dalam hidup, kepelbagaian ini perlu diuruskan oleh manusia dengan baik dan betul berlandaskan ilmu serta akal, sesuai dengan keupayaan dan tanggungjawab mereka.

Mengurus kepelbagaian dengan rahmah penting untuk mengelakkan wujudnya ketidakadilan pada mana-mana pihak. Perpaduan dalam konteks *Fiqhu al-Daulah* yakni ilmu *fikah* yang membicarakan tentang konsep kenegaraan menurut Islam, tidak hanya terbatas kepada hubungan sesama Muslim. Bahkan, dalam urusan seharian kita bermuamalat sama ada dengan seorang Muslim dan juga bukan Muslim.

Allah SWT tidak melarang orang Islam mengadakan hubungan baik dengan bukan Islam. Tidak menjadi kesalahan mengadakan hubungan dengan orang bukan Islam dan keharusan itu meliputi semua kafir dengan syarat mereka tidak mengancam Islam serta umatnya. Bahkan, diharuskan bersatu dan membentuk perpaduan dengan golongan bukan Islam bagi

perkara yang diredhai Allah SWT dan tidak bertentangan dengan hukum syarak mahupun undang-undang negara.


Menurut Islam, kepelbagaian etnik tidak boleh menjadi alasan untuk menafikan hak dan tidak berlaku adil terhadap etnik lain. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”
(Al-Mumtahanah:8)

Menurut Hamka (1985:105) ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT tidak melarang umat Islam berbuat baik, bergaul, berlaku adil dan jujur terhadap bangsa lain sama ada Yahudi, Nasrani atau musyrik selagi mereka tidak memerangi dan mengusir umat Islam dari kampung halaman.

Rasulullah SAW telah menggubal perlembagaan yang dikenali sebagai Piagam Madinah untuk mengurus masyarakat majmuk di Madinah. Tujuan utama perlembagaan ini adalah untuk mewujudkan keamanan, keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat majmuk (Abdul Monir Yaacob 1986). Piagam Madinah menyatakan secara jelas akan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh masyarakat majmuk Madinah ketika itu. Menurut Aunur Rafiq (2009), piagam ini merupakan model yang dimanifestasikan daripada al-Quran, lalu kemudian diterjemahkan dalam realiti kehidupan. Oleh sebab itu, piagam ini bercirikan pemerintahan yang komprehensif serta memenuhi kehendak masyarakat majmuk.

Dalam konteks Malaysia, nilai-nilai Islam secara rasionalnya boleh juga diamalkan oleh golongan bukan Islam tanpa sebarang halangan dan perasaan janggal kerana mereka telah berkongsi perbendaharaan negara



selama hampir 62 tahun semenjak zaman kemerdekaan. Rakyat Malaysia harus faham bahawa mengenali dan mengamalkan pendekatan perpaduan yang diajarkan oleh Islam tidak bermaksud menggalakkan dan memaksa rakyat yang bukan Islam untuk menukar agama. Ia sekadar mengajak manusia untuk melakukan kebaikan dan menolak kemungkaran yang mana adalah relevan dan sesuai dengan fitrah serta keinginan manusia.

Rakyat Malaysia hidup dalam suasana masyarakat majmuk sejak puluhan tahun yang lalu sehingga ke hari ini. Rakyat daripada pelbagai bangsa dan agama tinggal sebelah-menyebelah dalam satu unit komuniti yang sama tetapi dalam beberapa hal, hidup mereka terpisah. Menurut Kamus Dewan (2013), masyarakat ialah kumpulan manusia yang hidup bersama-sama di suatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Masyarakat majmuk pula merujuk kepada masyarakat yang terdiri daripada beberapa bangsa. Malaysia merupakan sebuah negara yang didiami oleh pelbagai bangsa, etnik mahupun kaum dengan kepelbagaian budaya, bahasa, adat dan agama. Jaringan erat wujud dalam kalangan anggota tersebut, khususnya melalui hubungan bersemuka.

Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan agama, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidup yang tersendiri (Mohd Anuar Ramli 2011). Saling menghormati dan toleransi mampu mewujudkan persekitaran yang harmoni dan seimbang dalam sebuah masyarakat yang majmuk. Suasana harmoni ini menyediakan peluang untuk masyarakat mempelajari erti menerima kepelbagaian dalam kehidupan, seterusnya menjauhi sifat taksub dan melampau dalam mencintai sesuatu bangsa. Keamanan dan kedamaian yang dibina dalam masyarakat majmuk dapat melahirkan kestabilan yang baik dari sudut politik, ekonomi dan sosial. (Shamsul Amri Baharuddin 2012)



Jika dilihat kepelbagaian masyarakat di Malaysia, berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2018 penduduk Malaysia dianggarkan seramai 32.4 juta orang dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 1.1%. Daripada jumlah ini, 29.06 juta adalah warganegara manakala 3.32 juta merupakan bukan warganegara. Manakala, nisbah jantina menyaksikan lelaki berjumlah 16.72 juta berbanding perempuan seramai 15.66 juta (mengekalikan 107 lelaki bagi setiap 100 perempuan). Pecahan warganegara mengikut kumpulan etnik mendapati kaum bumiputera mendominasi dengan jumlah 20.07 juta (69.1%), diikuti kaum Cina, 6.69 juta (23.0%); kaum India, 2.01 juta (6.9%), dan etnik-etnik lain, 0.29 juta (1.0%).

Etnik bumiputera mencatatkan peningkatan 0.3 % berbanding pada tahun 2017. Selain itu, peratusan penduduk berusia bawah 14 tahun berjumlah 7.71 juta (23.8%); usia 15 hingga 64 tahun, 22.58 juta (69.7%), dan usia 65 tahun ke atas berjumlah 2.10 juta (6.5%). (Harian Metro, 1 Ogos 2018) Kajian juga mendapati bahawa Malaysia mempunyai lebih daripada 70 kumpulan etnik yang pelbagai. Jumlah tersebut boleh mencecah sehingga lebih 200 kumpulan termasuk yang mewakili sub etnik, kumpulan bahasa dan dialek. (Shamsul Amri Baharuddin 2012)

Dapatan ini memungkinkan berlakunya pertembungan antara kaum serta agama, dan ini perlu diperhalusi dengan penuh kebijaksanaan. Apabila sesebuah masyarakat hidup dalam kepelbagaian dan berlaku interaksi sesama mereka, sudah menjadi hukum alam akan wujud perselisihan faham dan timbul isu-isu yang melibatkan masyarakat Islam dan bukan Islam. Sejarah mencatatkan sejak merdeka sehingga ke hari ini, Malaysia telah melalui beberapa insiden yang mengaitkan isu berhubung kaum mahupun agama. Pasang surut hubungan sosial antara kaum banyak melibatkan sikap prejudis, persepsi serta provokasi yang dikaitkan dengan faktor dalaman dan luaran. Keadaan ini menjadi lebih rumit pada era

teknologi maklumat dan komunikasi hari ini lantaran penularan maklumat sukar disekat. Masyarakat bebas menyebarkan maklumat yang diterima dalam laman sesawang masing-masing atau melalui telefon pintar.

Tiada faedah untuk kita bertelingkah dalam soal mengeratkan perpaduan kerana akhirnya jika matlamatnya tidak tercapai, ia akan merugikan bukan kepada sebahagian, tetapi kepada keseluruhan anggota masyarakat. Oleh yang demikian, setiap rakyat mestilah berpegang kepada suatu konsep perpaduan yang sama untuk mencapai keamanan dan kemakmuran dengan berpegang kepada prinsip Rukun Negara.





ADAB PERBEZAAN

Adab perbezaan dalam masyarakat majmuk adalah lumrah. Ia perlu dihormati selagi mana tidak bertentangan dengan undang-undang dan adab budaya masyarakat setempat. Adab perbezaan tidak berupaya mencapai keharmonian sekiranya ia berunsur kepentingan peribadi.

Oleh kerana setiap daripada kita berbeza dari segi tahap ilmu pengetahuan, pengalaman, kefahaman, agama, adat budaya dan latar belakang, perselisihan pendapat pasti akan berlaku. Perbezaan dan perselisihan pendapat bukanlah perkara baharu. Ia telah wujud semenjak zaman Nabi SAW dan juga para sahabat RA. Apatah lagi, pada zaman selepas mereka, sudah pasti lebih banyak perselisihan yang berlaku sehingga munculnya pelbagai mazhab dan aliran. Islam mengajar bahawa perbezaan pendapat adalah suatu yang lumrah yang perlu diuruskan dengan bijaksana.

Adab perbezaan dalam konsep rahmah ialah memasyarakatkan rakyat dengan perkara-perkara yang boleh memupuk sifat kasih sayang, kemesraan, keprihatinan, keharmonian, pemuliharaan dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.



TOLERANSI DAN HAD

Sesungguhnya Islam tidak melihat perbezaan warna kulit, adat, budaya, bahasa mahupun agama sebagai unsur perpecahan dalam masyarakat. Sebaliknya, kepelbagaian ini dilihat sebagai suatu keistimewaan serta anugerah Allah SWT kepada manusia untuk diurus tadbir dengan baik. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah amat mengetahui lagi amat mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).” (Al-Hujurat: 13)

Islam memperakui kebebasan beragama bagi setiap manusia. Tiada sesiapa pun dalam kalangan rakyat dipaksa menganut agama Islam dan meninggalkan kepercayaan yang dianutinya. (Mat Saad Abd. Rahman 1995) Sesungguhnya orang bukan Islam juga mempunyai hak dan kewajiban berkaitan dengan peraturan masyarakat dan hak kewarganegaraan. Perkara ini merupakan kebebasan dan toleransi yang diberikan oleh Islam kepada bukan Islam sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah, ayat 256 yang bermaksud: “Tidak ada paksaan di dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan.”

Konsep tolak ansur (*tasamuh*) perlu diperkemas berpaksikan prinsip keadilan yang telah digariskan oleh Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”
(Al-Mumtahanah: 8)

Nilai toleransi banyak dibicarakan di dalam al-Quran dan hadis baik secara tersirat mahupun tersurat. Al-Quran menjelaskan nilai toleransi kepada manusia supaya menerima perbezaan, saling menghormati dan melakukan keadilan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. (Al-Ma'idah: 8)

Islam adalah agama perdamaian dan agama toleransi. Ini telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan dibuktikan secara praktikal oleh Rasulullah SAW melalui sejarah kehidupan serta perjuangan Baginda. Perkara awal yang dilakukan oleh Rasulullah SAW setiba Baginda di Madinah ialah mengadakan perjanjian dengan kaum Yahudi. Antara inti pati perjanjian tersebut ialah negara Islam Madinah menghormati kepercayaan mereka, mempertahankan mereka daripada



segala bentuk ancaman dan menjadikan mereka masyarakat Madinah yang sama-sama akan mempertahankan setiap inci buminya.

Dalam menangani perbezaan ini, Islam mempunyai prinsip bahawa toleransi mempunyai had yang tertentu. Konsep rahmah bukan sahaja menumpukan sifat belas kasihan dan toleransi tetapi juga ketegasan. Ini dapat dilihat daripada sunnah Nabi SAW yang memandang berat terhadap mereka yang menyakiti kafir *zimmi*. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesiapa menzalimi kafir yang diikat perjanjian setia kepada kerajaan Islam atau mengurangkan haknya, atau membebankannya di luar keupayaannya atau diambil sedikit daripada haknya tanpa kebenarannya, maka aku menjadi pembelanya pada hari Kiamat.” (hadith Riwayat Abu Daud)

Adalah kurang tepat sekiranya kita hanya menumpukan sifat belas kasih dan toleransi Rasulullah SAW sahaja sebagai rahmah sedangkan ketegasan Baginda sebagai pemimpin kepada kaum Muslim dan bukan Muslim juga adalah rahmah buat mereka. Ini dinyatakan sendiri oleh Baginda Nabi SAW ketika mendengar ancaman daripada Abu Jahal yang menyeru Quraisy untuk memusuhi Islam. Lalu, Baginda bersabda yang bermaksud: “Dan demi nyawaku yang berada di tangan-Nya, aku akan memerangi mereka, menyalib mereka dan memberi hidayah kepada mereka sekalipun mereka dalam keadaan yang membenci. Sesungguhnya aku adalah rahmah yang diutuskan oleh Allah dan Allah tidak akan mematikan aku sehinggalah Allah memenangkan agama-Nya.” (Ibn Khatsir, ‘Tafsir al-Quran al-Azim’, hlm. 5)

Hadith ini dalam Said Hawwa (2018), menunjukkan bahawa sekalipun mengisytiharkan ketegasan dalam memerangi kafir dan jahiliah, Rasulullah SAW masih menyifatkan diri Baginda sebagai seorang yang rahmah. Ini bererti, ketegasan Baginda dalam menyebarkan iman dan Islam



adalah rahmah yang paling besar. *Rahmah* dalam memberikan hidayah lebih tinggi nilainya, mengatasi tolak ansur dalam perkara keimanan.

Dalam berhadapan dengan kumpulan manusia yang menolak Islam, bahkan mengingkari Islam kerana tidak sampai kefahaman Islam kepada mereka, Rasulullah SAW menggunakan pendekatan lemah-lembut dan damai. Ini kerana, punca penolakan terhadap Islam adalah kerana kurangnya kefahaman mereka tentang Islam. Manakala, bagi mereka yang menentang dan memusuhi Islam kerana keegoan dan sifat angkuh, malah menggunakan penentangan yang mampu menggugat Islam, maka Rasulullah SAW menggunakan pendekatan yang lebih tegas. Ini bagi memelihara kedudukan Islam itu sendiri. Di sini, kita dapati bagaimana Rasulullah SAW mengisytiharkan kekerasan dengan disertakan sikap rahmah.

Arnold (1968) berpendapat bahawa Nabi Muhammad SAW membenarkan kebebasan beragama dan melindungi tempat beribadat penganut Kristian dan Yahudi. Nilai toleransi ini membolehkan masyarakat majmuk saling menghormati dan bekerjasama dalam aspek interaksi sosial, kerangka kemanusiaan dan keperluan dakwah. Rasulullah SAW menzahirkan sifat toleransi yang amat tinggi, contohnya:

Memelihara nyawa: Muslim seharusnya melindungi bukan Muslim yang tinggal bersama dengan mereka (Muhammad Al-Nasir. 1986). Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW di dalam hadith sahih Al-Bukhari, bahawa: “Barangsiapa yang membunuh seorang kafir *mu’ahid* (yang mempunyai perjanjian keamanan dengan Muslim) maka Allah mengharamkan buat dirinya syurga.”

Berkelakuan baik: Perkara ini harus difahami sebagai konsep asas seorang Muslim untuk berinteraksi dengan bukan Muslim. Ketika Asma didatangi ibunya yang masih kafir, Rasulullah SAW berpesan kepada



Asma supaya melayaninya dengan baik. Begitu juga apabila datang delegasi Kristian Najran yang ingin berdialog dengan Rasulullah SAW, mereka dilayan dengan hormat oleh Baginda.

Hormat-menghormati: Dalam satu peristiwa yang masyhur, Rasulullah SAW pernah bangun apabila jenazah seorang Yahudi diusung di hadapan Baginda. Sahabat lalu bertanya, bukankah dia seorang Yahudi? Dalam hadith sahih Al-Bukhari, Rasulullah SAW membalas, “Bukankah dia seorang manusia?”

Jelas dalam hal ini, Rasulullah SAW melihat penghormatan ini dari aspek kemanusiaan. Ia secara tidak langsung menggambarkan konsep rahmah yang sangat tinggi dalam Islam. Sekiranya jenazah Yahudi perlu dihormati, apatah lagi yang masih hidup; sudah tentu mereka harus diberikan hak-hak kemanusiaan mereka.

Menziarahi ketika sakit: Dalam hadith sahih Al-Bukhari, Rasulullah SAW juga direkodkan telah menziarahi bapa saudaranya yang masih lagi kafir iaitu Abu Talib ketika beliau sedang sakit. Menurut Anas, dalam hadith sahih Al-Bukhari, Nabi SAW juga pernah menziarahi seorang budak lelaki Yahudi yang pernah berkhidmat kepada Nabi SAW.

Memberi dan menerima hadiah: Seekor kambing telah disembelih untuk Abdullah Ibn Amr dan keluarganya. Apabila beliau sampai, beliau bertanya kepada ahlinya apakah mereka telah memberikan sebahagian kambing itu kepada jiran mereka yang beragama Yahudi? Rasulullah SAW sendiri mempunyai jiran dalam kalangan ahli kitab yang dilayan baik. Baginda SAW sering memberi hadiah kepada mereka, begitu juga sebaliknya, mereka turut menghargainya dengan memberi hadiah kepada Nabi SAW.



Urusan pekerjaan: Rasulullah SAW pernah memanfaatkan kepakaran seorang pengembara daripada Bani al-Dil yang mahir dalam selok-belok perjalanan. Nabi SAW juga pernah menggunakan perkhidmatan pertanian yang ditawarkan oleh Yahudi Bani Khaybar ketika di Madinah.





CABARAN DAN KESAN KEGAGALAN MENGURUS KAUM SERTA AGAMA

Di sebalik kejayaan negara kita membentuk dan mengeratkan perpaduan serta hubungan yang baik dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum dan agama, masih terdapat sedikit kepincangan dalam pembentukan dan pemeliharaan hubungan ini.

Kebijaksanaan pemerintah adalah perlu dalam menguruskan kaum mahupun agama dalam masyarakat majmuk. Banyak cabaran dan kesan yang perlu digalas dalam mendepani kemajmukan ras merangkumi aspek sosial, ekonomi mahupun politik. Malaysia telah melalui beberapa peristiwa hitam yang berlaku akibat polemik perkauman yang dimainkan dalam masyarakat, antaranya peristiwa 13 Mei 1969. Ini menunjukkan bahawa keharmonian hubungan etnik perlu ditekankan kerana terdapat ancaman yang mampu menjejaskan hubungan antara kaum dan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.

Terdapat berberapa faktor yang menimbulkan konflik dan ancaman dalam masyarakat.

Faktor pertama ialah perbezaan unsur kebudayaan. Perbezaan dari segi agama, bahasa dan adat sememangnya tidak dapat dielakkan kerana setiap kaum mempunyai kebudayaan sendiri yang menjadi identiti mereka. Elemen ini juga akan menjadi ancaman jika sensitivitinya disentuh dan dipersoalkan.

Faktor kedua ialah jarak sosial yang wujud akibat kurangnya interaksi. Faktor ini timbul akibat kekangan bahasa yang membataskan interaksi bangsa yang berlainan bahasa. Selain tidak memahami bahasa lain, keadaan ini juga boleh menimbulkan salah sangka kerana kita tidak memahami apa yang diperkatakan.

Faktor ketiga ialah perbezaan tempat tinggal dan pekerjaan yang juga mengakibatkan kurangnya interaksi antara kaum. Ini berlaku apabila tempat tinggal dan pekerjaan adalah mengikut kaum di mana percaya atau tidak perkara ini masih lagi wujud.

Faktor keempat ialah wujudnya kekeliruan dan kesamaran tentang sesuatu isu dalam negara. Ini boleh menimbulkan salah faham jika kerajaan tidak mengambil langkah segera untuk menerangkan isu tersebut. Ini penting untuk mengelakkan pihak yang tidak bertanggungjawab daripada mengambil peluang ini untuk mencemari minda dan pemikiran rakyat.

Faktor kelima ialah keengganan membuka dunia sosial kepada orang lain. Mereka merasakan identiti bangsa mereka akan tercemar jika memberi ruang kepada kaum lain dalam budaya mereka.

Faktor keenam ialah dominasi kaum dalam sesuatu bidang sama ada dari segi politik, perniagaan atau pembangunan. Setiap kaum akan cuba untuk mengekalkan dominasi dalam bidang mereka dan ini akan menyebabkan jurang antara kaum dalam bidang tersebut.

Dengan adanya konflik-konflik yang disebut ini, maka usaha mengekalkan dan mengukuhkan hubungan etnik perlu diteruskan. Namun begitu, usaha ini tidak mudah kerana adanya cabaran-cabaran yang menjadi kekangan dan kepincangan yang nyata. Terdapat enam cabaran utama yang menjadi duri dalam daging yang boleh menjadikan usaha memupuk hubungan etnik menjadi sukar. Walaupun cabaran ini mungkin



nampak kecil dan sepertinya tidak mengganggu gugat keharmonian negara, namun ia masih menjadi api dalam sekam yang mungkin secara sedikit demi sedikit menghakis keamanan dan keharmonian hubungan di antara etnik-etnik di Malaysia. Antara enam cabaran tersebut ialah

- A. Cabaran dari segi sosial dan globalisasi;
- B. Cabaran dalam mengeratkan hubungan etnik;
- C. Cabaran dari segi ekonomi;
- D. Cabaran dari segi politik;
- E. Cabaran dari segi perpaduan; dan
- F. Cabaran dari segi kebudayaan dan agama.

Dunia politik sememangnya penuh kontroversi di mana terdapat pelbagai individu yang mempunyai pelbagai tujuan dan kepentingan. Parti-parti politik wujud demi mempertahankan dan memperjuangkan hak rakyat dan demi negara. Pada zaman sekarang, sebenarnya perkara ini tidak wujud dan jika benar-benar ada sekalipun, amatlah jarang dan sukar ditemui. Cabaran timbul kerana setiap kaum diwakili oleh parti politik sendiri yang bertujuan memelihara hak kaum, memperjuangkan nasib dan menyuarakan pendapat mereka.

Malangnya, terdapat pemimpin yang bermain taktik kotor dengan menghasut, meracuni pemikiran rakyat serta mengapi-apikan sentimen perkauman demi kepentingan sendiri. Hal ini menyebabkan setiap kaum seolah-olah berdendam, bersangka buruk dan tidak mahu berbaik-baik akibat termakan hasutan jahat ini. Cabaran juga timbul apabila setengah-setengah kaum tidak mahu menerima kepimpinan daripada kaum lain.



Mereka hanya akan berburuk sangka dan sentiasa mencari salah agar dapat dijadikan bahan untuk menampakkan kepincangan kepimpinan.

Sejak zaman penjajahan lagi, masalah integrasi telah wujud terutamanya semasa penjajahan British. British menjalankan dasar pecah dan perintah agar dapat memerintah dan mengeksploitasi ekonomi negara. Dasar ini jugalah yang memisahkan kaum-kaum utama negara ini mengikut bidang ekonomi yang dijalankan. Masyarakat Melayu mengendalikan pertanian dan ditempatkan di kawasan luar bandar iaitu di kampung-kampung. Masyarakat Cina ditempatkan di lombong-lombong bijih timah dan di bandar-bandar kerana aktiviti perlombongan dan perdagangan yang mereka jalankan. Manakala, masyarakat India pula ditempatkan di ladang-ladang getah. Perubahan fungsi ini telah menyebabkan ketiga-tiga kaum ini terpisah dan hubungan semakin menjadi bertambah renggang.

Cabaran dari segi ekonomi yang paling nyata ialah perbezaan dari segi pekerjaan di mana perbezaan ini diwujudkan oleh pihak British melalui pecah dan perintah seperti disebut sebelum ini. Masalah ini telah mewujudkan perasaan curiga dan jurang ekonomi antara kaum-kaum terbabit. Akibat daripada dasar yang dicipta oleh British itu, kesannya masih lagi dapat dilihat sampailah sekarang di mana sektor perniagaan masih lagi didominasi oleh orang Cina dan kebanyakan orang India masih lagi tinggal di ladang-ladang. Perbezaan pekerjaan ini telah membataskan interaksi sosial antara mereka kerana masa banyak diluahkan di tempat kerja. Sekiranya rakan sekerja terdiri daripada kaum atau etnik yang sama, maka interaksi dan komunikasi hanya berlaku dan berada dalam lingkungan kaum yang sama sahaja. Kesannya, prasangka dan perkauman akan menjadi semakin kuat dan menebal antara kaum terbabit.

Ekonomi merupakan nadi bagi sesebuah negara dan menjadi penggerak utama kemajuan. Jika kita lihat, sistem ekonomi sejak kita



mencapai kemerdekaan adalah tidak stabil dan tidak sama. Kerajaan British telah memisahkan kaum-kaum di Tanah Melayu mengikut pekerjaan dan tempat tinggal kaum. Kaum Melayu yang kebanyakannya tinggal di kawasan kampung dan luar bandar sebagai petani atau nelayan, orang India kebanyakan menjadi buruh di estet-estet dan ladang-ladang manakala, orang Cina pula berada di bandar sebagai pelombong dan peniaga. Ini telah mewujudkan perasaan curiga antara kaum dan jurang ekonomi antara kaum serta polarisasi antara kaum semakin besar.

Cabaran dari segi sosial dan pemisahan dalam pendidikan menjadikan usaha pemupukan hubungan etnik menjadi pincang. Ini berlaku apabila kurangnya percampuran dan interaksi sosial antara kaum. Apabila perkara ini berlaku, tidak akan timbul rasa kepercayaan dan kekitaan dalam diri setiap kaum dan etnik. Apabila kepercayaan ini hilang maka sesuatu hubungan yang baik sukar untuk dibentuk.





KEWARGANEGARAAN

Kewarganegaraan (*citizenship*) merupakan keahlian kepada sebuah komuniti politik iaitu, sebuah bandar pada asalnya, tetapi kini lebih biasa merupakan sebuah negara yang membawa hak-hak penyertaan politik. Seorang individu yang mempunyai keahlian ini dipanggil warganegara.

Biasanya, kewarganegaraan bersepadan dengan kerakyatan (*nationality*). Bagaimanapun, kedua-dua istilah ini harus dibezakan. Seorang warganegara mempunyai hak-hak untuk menyertai bidang politik negerinya, seperti mengundi ataupun menjadi calon pilihan raya, sedangkan seorang rakyat tidak seharusnya mempunyai hak-hak tersebut.

Kewarganegaraan berasal daripada hubungan di sisi undang-undang dengan sebuah negara. Sebaliknya, kerakyatan biasanya berasal dari tempat kelahiran, iaitu *jus soli* dan, kadangkala dari etnik, iaitu *jus sanguinis*. Tambahan pula, kewarganegaraan boleh diserahkan melalui penyerahan kewarganegaraan dan diperolehi melalui pewarganegaraan.

Kewarganegaraan Malaysia merujuk kepada penduduk yang bermastautin di Malaysia. Kriteria-kriteria untuk kewarganegaraan Malaysia ditentukan dalam Peraturan Kewarganegaraan Malaysia 1964. Kewarganegaraan Malaysia telah mula dilaksanakan di beberapa negeri di Malaysia sebelum negara mencapai kemerdekaan dan kedaulatan. Negeri-negeri Selat, yang terdiri dari Pulau Pinang, Melaka, Singapura

dan kemudiannya Labuan, adalah entiti pertama memperkenalkan undang-undang kewarganegaraan di rantau Asia. *Naturalization Act 1867* menyatakan bahawa:

“Mana-mana orang, yang tinggal di jajahan Negeri-negeri Selat, keistimewaan kewarganegaraan boleh diberikan kepadanya.”

Keadaan seseorang warganegara boleh dilucutkan kewarganegaraan apabila:

1. Seseorang individu itu telah menjadi warganegara asing.
2. Seseorang individu itu telah menderhaka terhadap kerajaan semasa peperangan.
3. Seseorang warganegara membuktikan dia tidak setia kepada negara sama ada melalui percakapan atau tindakannya yang boleh mencemar keselamatan dan kedaulatan negara.



KONSEP RAHMAH SEBAGAI JALAN PENYELESAIAN

Perkembangan mutakhir ini menyaksikan satu kesedaran baharu bagi umat Islam terutamanya dalam kalangan generasi muda yang lantang bersuara tentang Islam dan berusaha menggerakkan Islam dengan menggunakan pelbagai wahana yang sedia ada. Situasi ini sedikit sebanyak menimbulkan rasa kurang senang setengah-setengah pihak yang berusaha mengekang kemaraan kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam.

Justeru, Islam dilihat serta dihayati sebagai sistem hidup yang mampu menjadi alternatif bagi memantapkan hubungan antara kaum sekali gus menjadi pemangkin bagi menyelesaikan semua masalah serta pelbagai isu yang timbul dalam masyarakat majmuk. Saranan yang termaktub dalam surah Al-Hujurat (ayat 13) meletakkan nilai takwa serta pengajaran daripadanya dapat meleburkan fahaman perkauman dan *asabiyah* dalam masyarakat. Implementasinya bersandarkan kepada *hikmah* atau kebijaksanaan yang merupakan jalan penyelesaian utama dalam menyantuni perbezaan dalam masyarakat majmuk. Perkataan *al-hikmah* diambil daripada kalimah ayat suci al-Quran yang menjadi sumber rujukan utama masyarakat Muslim. Ia dapat diterjemahkan kepada pelbagai makna, bergantung kepada konteks penggunaannya.

Justeru, bagi tujuan perpaduan masyarakat, interpretasi bagi kalimah tersebut ialah suatu kecerdikan dalam menggunakan akal fikiran yang dikurniakan oleh Tuhan bersama petunjuk-Nya dalam melakukan

suatu tindakan bijak dan sesuai dengan keadaan. Tujuannya adalah untuk menghasilkan natijah yang memberikan *maslahah* atau kebaikan kepada kesemua pihak.

Hikmah mempunyai hubung kait rapat dengan ketenangan jiwa, kelembutan tutur bicara, kebolehan menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Jika diteliti, penggunaan pendekatan *al-hikmah* sering kali dibincangkan dalam bidang kaunseling, bimbingan Muslim, serta dakwah yang mana ia dijadikan sebagai suatu metode atau kaedah dakwah dalam Islam, dengan tujuan untuk membawa insan kepada jalan kebenaran dengan mempertimbangkan kemampuan dan ketajaman rasional atau penerima dakwah. (Moh. Ali Aziz, 2004:129) Takrifan tersebut telah diambil melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”
(Al-Nahl:125)

Islam merupakan suatu agama yang menganjurkan umatnya agar bersifat rahmah. *Rahmah* yang berasal dari kata dasar bahasa Arab ‘*rahima-yarhamu-rahmah*’ juga bererti ‘kasih sayang’ dan disebut berulang kali di dalam al-Quran. Bahkan, Allah SWT sendiri menyifatkan diri-Nya dengan sifat rahmah. Hal ini menunjukkan betapa Allah SWT sangat menitikberatkan sifat rahmah atau kasih sayang dalam diri umat Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bertanyalah (wahai Muhammad): “Hak milik siapakah segala yang ada di langit dan di bumi?” Katakanlah: “(Semuanya itu) adalah milik Allah. Ia telah menetapkan atas diriNya memberi

rahmat. Demi sesungguhnya Ia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat yang tidak ada sebarang syak padanya". Orang-orang yang merugikan diri sendiri (dengan mensia-siakan pengurniaan Allah), maka mereka (dengan sebab yang tersebut) tidak beriman."
(Al-An'am: 12)

Allah SWT menyifatkan diri-Nya dengan sifat rahmah atau kasih sayang kepada semua hamba-Nya dalam ayat ini. Sudah semestinya Allah SWT menuntut agar manusia yang merupakan hamba-Nya menyemai sifat ini ke dalam diri mereka. Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW mengatur hidup manusia dan mengawal hubungan antara manusia serta hidupan lain di bumi agar tidak wujud pertelingkahan sesama mereka. Selain itu, Islam juga mengajar bagaimana seharusnya seorang manusia itu melayani atau berhadapan dengan manusia yang lain dengan penuh hikmah dan kasih sayang supaya kebaikan dapat disebar.

Menurut Ibn Jarir al-Tabari (2011), pendapat dengan riwayat daripada Ibn Abbas RA iaitu, diutus Rasulullah SAW sebagai rahmat kepada seluruh manusia termasuk yang beriman dan mereka yang tidak beriman. Adapun rahmat bagi mereka yang beriman ialah mendapat hidayah daripada perutusan Baginda SAW dengan kehidupan beragama di dunia serta mendapat balasan syurga di akhirat kelak. Manakala, rahmat kepada mereka yang tidak beriman ialah, mereka tidak disegerakan azab sepertimana umat terdahulu dengan balasan azab yang dahsyat dan mengerikan.

Konsep rahmah di dalam Islam merupakan konsep besar yang berasaskan kepada ajaran yang terkandung di dalam al-Quran dan hadith Rasulullah SAW. Selain itu, konsep rahmah dalam Islam juga mempunyai maksud dan pendekatan yang bersesuaian dengan kategori sama ada kepada Muslim atau bukan Muslim. Malah, pendekatan terhadap makhluk seperti haiwan juga mempunyai pendekatan rahmah yang menzahirkan Islam sebagai agama yang menyebarkan kasih sayang dan keamanan di muka bumi ini.



NILAI UNIVERSAL ANTARA KAUM

Pemupukan nilai-nilai hidup yang dapat menyatukan masyarakat perlu diketengahkan bagi mencari titik persamaan antara kaum. Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, langkah utama haruslah ke arah penghakisan aliran perkauman sempit dan *chauvinisme*. Persefahaman perlu dicapai oleh masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Walaupun sifatnya terbatas, kesepakatan yang dicapai seharusnya dilaksanakan dengan jujur tanpa mengorbankan prinsip akhlak dan keadilan.

Soal keadilan perlu diletakkan pada neraca yang tepat berpaksikan agama. Prinsip *syura* dan muafakat perlu diamalkan dalam usaha mendapatkan 'kebersamaan' masyarakat bagi menentukan dasar serta amalan. Dalam masa yang sama, pelaksanaannya tidak boleh melanggar dasar moral dan etika yang ditetapkan oleh syariat. Firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (An-Nisa': 58)

Antara nilai-nilai yang mempunyai titik persamaan dalam nilai universal tamadun adalah seperti berikut:

Nilai Kepercayaan

Peranan agama dalam semua tamadun adalah penting kerana ia membantu memantapkan struktur sosial serta intelektual suatu tamadun. Setiap tamadun sama ada berasaskan kepercayaan samawi atau budaya, tetap menjunjung tinggi doktrin keagamaan, malah dari agama inilah lahirnya kebudayaan dan sains. Idea ketuhanan yang *transcendence* (kudus) sama ada dengan panggilan Ti, Brahman atau Sang Hyang menyebabkan institusi dan ajaran keagamaan agama lain juga dihormati. Nilai kepercayaan dalam tamadun Islam adalah tamadun yang menitikberatkan persoalan ketuhanan dan kerohanian yang bersumberkan wahyu.

Agama memberi tenaga, fikiran dan penggerak kepada dinamisme sesebuah tamadun. Tamadun Jepun banyak dipengaruhi oleh ajaran Shintoisme yang menanam rasa kebangsaan dan semangat patriotisme. Konsep ini disokong dengan semangat Bushido iaitu sanggup membunuh diri jika gagal melaksanakan perintah. Sungguhpun setiap tamadun mempunyai nilai kepercayaan, amalannya dan kefahaman mengenainya adalah berbeza. Misalnya, tamadun Islam meletakkan kepercayaan kepada Allah SWT sebagai matlamat utama dalam pekerjaan dan pembinaan tamadun berbanding tamadun lain yang menganggap manusia sebagai penentu kemajuan dan Tuhan tidak dijadikan asas utama.

Nilai Ekonomi dan Kebendaan

Nilai ekonomi atau kebendaan menjadi matlamat utama kepada kebanyakan tamadun, khususnya Barat, sehingga menghalalkan semua perkara bagi mencapai matlamat nilai kebendaan. Ini berbeza dengan Islam di mana nilai ekonomi perlu berlandaskan syariat iaitu mengambil persoalan hukum halal dan haram serta mendapatkan keredaan Allah SWT. Manusia merupakan pemegang amanah dan bukan pemilik harta secara mutlak. Harta dan kebendaan hanya alat untuk mencapai keredhaan Allah SWT.




Justeru, amalan-amalan ekonomi seperti riba, menipu, menyorok barang, rasuah dan sebagainya adalah diharamkan dalam Islam.

Aktiviti ekonomi yang berteraskan syariat Islam bukan sahaja mampu mewujudkan hubungan perpaduan sosial menerusi konsep nikmat sama dirasai, malah, meningkatkan ekonomi negara dan mengurangkan aras kemiskinan. Tanpa kekuatan ekonomi, umat Islam akan berada di bawah paras kemiskinan dan ditakuti dengan kemiskinan akan membawa kepada kekufuran seperti yang diingatkan oleh Rasulullah SAW. Pengalaman dan penglibatan Rasulullah SAW dan para sahabat dalam bidang perniagaan dan penternakan serta pertanian telah menyumbang kepada kegemilangan tamadun Islam di Madinah serta menjadi model bagi umat Islam menguasai ekonomi untuk melahirkan tamadun Islam yang hebat bagi mengimbangi penguasaan ekonomi Barat.

Nilai Kerja

Nilai kerja bermaksud etika atau budaya kerja. Nilai kerja tamadun atau masyarakat Barat melihat kepada keuntungan dari segi kebendaan berbanding etika kerja sebenar. Masyarakat Jepun dan Korea sering dikaitkan dengan nilai kerja yang penuh berdisiplin dan beretika seperti yang dituntut dalam Islam, tetap terarah kepada kepentingan dan keuntungan dunia.

Berbeza dengan Islam, nilai kerja hendaklah berlandaskan kepada tuntutan syariat dan mencari keberkatan daripada Allah SWT. Dalam Islam, bekerja memenuhi keperluan hidup secara halal merupakan amalan mulia dan dianggap sebagai ibadah apabila memenuhi syarat-syarat berikut: i) dilakukan dengan niat kerana Allah SWT; ii) kerja yang dilakukan menepati kehendak syarak; iii) dilakukan dengan penuh tanggungjawab; iv) menjauhi larangan Allah SWT dalam melaksanakan tugas dan kerja; v) tidak melalaikan dan meninggalkan ibadah khusus.



Allah SWT amat menyukai hamba-Nya yang rajin bekerja dan tidak hidup dengan meminta-minta. Justeru, kegemilangan tamadun Islam yang pernah dikecapi dahulu adalah hasil kerja umat Islam dalam pelbagai bidang di samping penerokaan berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang berterusan. Dorongan Islam supaya umat Islam sentiasa bekerja untuk mencapai keselesaan dan kejayaan jelas ditegaskan dalam laungan azan “*Hayya ‘alal falah*” (marilah menuju kejayaan).

Nilai Kemanusiaan

Nilai kemanusiaan merupakan nilai yang mementingkan penghormatan terhadap hak-hak asasi, maruah dan kemuliaan manusia. Nilai ini tidak akan wujud melainkan jika sebuah kelompok masyarakat itu memahami hakikat kejadian dan peranan seorang manusia secara menyeluruh. Dalam Islam, nilai kemanusiaan merupakan nilai utama yang perlu dipupuk dan nilai kebendaan hanya sebagai nilai tambah.

Tamadun Islam adalah diasaskan atas dasar masyarakat yang meletakkan nilai kemanusiaan yang mengamalkan sifat bertimbang rasa, lemah-lembut, kasih sayang, adil dan sebagainya. Kasih sayang merupakan nilai kemanusiaan yang paling murni. Kasih sayang menguatkan hubungan sesama manusia walaupun berlainan agama dan bangsa. Bagi menjamin keamanan sejagat, Islam melarang manusia melakukan angkara dan pencerobohan terhadap hak orang lain sama ada dengan lidah, tangan atau apa-apa jua sekalipun.

Ajaran Islam tidak bertentangan dengan konsep *ren* yang diajarkan dalam Tamadun China yang juga bermaksud kasih sayang. Konsep ini merujuk kepada sifat perikemanusiaan yang dianggap “ekspresi jantung manusia”. Dalam Tamadun Hindu pula, terdapat konsep *ahimsa* iaitu belas kasihan yang membawa kepada tiadanya kekejaman terhadap sebarang makhluk sama ada manusia ataupun binatang.

Islam amat mementingkan sifat kasih sayang, belas ihsan dan integriti. Tanpa kasih sayang, belas ihsan dan integriti segala urusan akan pincang. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: “Tidak sempurna iman seseorang dari kamu sehingga dia suka saudaranya mendapat (kebaikan seperti) apa yang dia sendiri suka mendapatnya.” (hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Orang yang dikasihi Allah SWT dan disukai masyarakat ialah orang yang hidup untuk dirinya dan untuk orang lain serta memikirkan kebaikan bersama.

Nilai Keilmuan

Semua tamadun menerima kepentingan ilmu pengetahuan dalam membangun dan membina sesebuah tamadun. Bangsa yang meneroka dan menguasai ilmu pengetahuan akan dapat mewujudkan tamadun yang gemilang. Umat Islam perlu mempunyai kesedaran tentang kewajipan menuntut ilmu kerana tanpa ilmu, umat Islam tidak akan maju sedangkan umat Islam diibaratkan oleh Allah SWT sebagai ‘*ummah wasatan*’ iaitu umat yang mampu meneroka dan membangun alam ini dengan ilmu yang dipelajari dan akhlak yang mulia. Tiada sejarah terlakar mengenai bangsa yang maju dan berjaya tanpa penguasaan ilmu. Begitu juga keimanan seseorang tidak dapat ditegakkan dengan kukuh dan mantap, serta amalan seseorang tidak diterima tanpa ilmu.

Konsep mencari ilmu dalam Islam berbeza dengan tamadun-tamadun lain di mana perolehan ilmu hendaklah berlandaskan konsep tauhid. Proses transformasi tidak akan berhasil jika tujuan ilmu tidak menasaskan Allah SWT sebagai matlamat utama. Maka, akan berlakulah pegawai yang mengamalkan rasuah, doktor yang menipu dan sebagainya. Sejarah merakamkan bagaimana umat Islam dahulu telah berjaya mengembangkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang sehingga melahirkan peradaban



yang gemilang seperti di Andalus dan di Baghdad yang kemudiannya menjadi penyumbang kepada kebangkitan tamadun Eropah.

Nilai Akhlak

Akhlak dalam Islam merupakan sistem nilai yang menjamin kehidupan yang beretika. Tanpa akhlak mulia kehidupan manusia akan menjadi lebih huru-hara dan mementingkan diri sendiri. Justeru, perutusan Rasulullah SAW adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia, sebagaimana hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.” (hadith Riwayat Al-Baihaqi)

Antara faktor perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang rasul ialah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Akhlak Islam bersifat *syumul* iaitu merangkumi hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan makhluk lain termasuk alam persekitaran. Ajaran akhlak dalam Islam kekal sejak penurunan al-Quran sehingga Hari Kiamat. Melalui akhlak yang mulia manusia boleh menguruskan dunia ini dengan aman dan harmoni. Dalam tamadun Cina, terdapat konsep *dao* (jalan) dan *li* (tatasusila) dalam ajaran Konfusius yang menekankan peraturan akhlak dan kehidupan berasaskan tiga perhubungan iaitu manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan perhubungan politik.

Ajaran Konfusius juga menekankan konsep *zhong yong* iaitu kesederhanaan di mana manusia perlu hidup bersederhana dan elakkan kekerasan sebagai jalan penyelesaian. Dalam tamadun India pula, ajaran Hindu menekankan konsep *dharma* (jalan kehidupan berlandaskan kebenaran) dan *karma* (apa yang dialami manusia adalah hasil perbuatan yang lalu atau sekarang); perbuatan baik akan mendapat balasan baik dan perbuatan buruk akan mendapat balasan buruk. Menurut ajaran ini, manusia perlu mencapai *mokhsa* iaitu kebebasan daripada rantaian kelahiran semula.



Nilai Keadilan

Nilai keadilan amat besar ertinya dalam kehidupan dan perhubungan manusia kerana ia mampu mewujudkan keamanan dan kemakmuran sesebuah tamadun. Keadilan merangkumi pelbagai aspek termasuk keadilan ekonomi, perundangan, sosial dan politik. Sebagai contoh, kerajaan yang melaksanakan keadilan sosial akan membahagikan kekayaan negara kepada seluruh rakyat dengan menghadkan monopoli golongan kaya dan meningkatkan pendapatan golongan miskin. Ini akan merapatkan jurang perbezaan pendapatan.

Nilai keadilan dari sudut sosioekonomi dianjurkan oleh Islam melalui kewajipan berzakat bagi merapatkan jurang perbezaan antara golongan miskin dan kaya. Ini bermakna kekayaan tidak hanya dinikmati oleh golongan kaya, malah turut dirasai oleh golongan miskin. Nilai keadilan perlu dilaksanakan dalam semua sudut agar pemerintah dapat berlaku adil terhadap rakyatnya. Hal ini demikian kerana sejarah telah merakamkan bahawa salah satu sebab keruntuhan sesebuah tamadun ialah apabila pemerintah atau kerajaan tidak berlaku adil terhadap rakyatnya dengan melakukan kezaliman dan mengabaikan hak-hak rakyat.

Nilai Kekeluargaan

Menurut Malik bin Nabi, untuk membina sebuah tamadun bermula dengan membina masyarakat yang berperadaban dan untuk itu, ia bermula dengan pembentukan keluarga. Nilai kekeluargaan dalam konteks Islam dapat dilihat daripada sifat kebertanggungjawaban setiap ahli untuk memelihara maruah keluarga daripada perkara-perkara yang dilarang oleh Islam. Peranan gender dalam institusi keluarga Muslim juga amat penting untuk difahami agar melahirkan peradaban masyarakat.

Keluarga yang dimaksudkan lazimnya keluarga *extended* yang mempunyai hierarki kuasa yang menentukan kedudukan kaum wanita



dan lelaki. Menurut Konfusius, kesetiaan dan pertalian yang erat merupakan konsep kekeluargaan yang terpenting. Pengabaian terhadap konsep kekeluargaan bermakna penafian hak seseorang dan bertentangan dengan keadilan. Konsep kekeluargaan dalam Islam pula mementingkan kasih sayang dan saling hormat menghormati. Ini bermakna kedudukan wanita dan lelaki bukanlah menjadi persoalan utama, tetapi setiap mereka mestilah menunaikan tanggungjawab masing-masing dalam lingkungan kasih sayang dan hormat menghormati.

Nilai Alam Sekitar

Pemuliharaan alam sekitar merupakan suatu prinsip yang diterima oleh semua agama kerana alam sekitar adalah anugerah Tuhan. Dalam Islam, manusia dipertanggungjawabkan sebagai khalifah, berkewajipan memelihara alam dari sebarang kerosakan. Ini kerana Allah SWT telah menjelaskan di dalam al-Quran bahawa segala makhluk ciptaan Allah dijadikan untuk kemudahan dan kegunaan manusia, dan kerosakan yang berlaku adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia.

Pemuliharaan alam sekitar juga diajarkan dalam agama lain. Walau bagaimanapun, ada sesetengah tamadun yang memelihara alam sekitar sehingga alam sekitar disembah dan dilihat sebagai *divine power*. Dalam ajaran Shinto, Tuhan disebut 'kami' yang merangkumi binatang-binatang, tumbuhan yang dianggap mempunyai kuasa yang boleh memberi kesan kepada manusia. Dalam agama Buddha, manusia dikatakan mempunyai hubungan harmonis dengan alam sekitar melalui konsep *esho fuai* iaitu manusia dan alam saling berkaitan dan memerlukan antara satu sama lain.



PEMBINAAN SEMPADAN FAHAMAN LIBERAL DENGAN KONSEP RAHMAH

Liberalisme ialah falsafah yang meletakkan kebebasan individu sebagai nilai politik tertinggi. Seseorang yang menerima fahaman liberalisme dipanggil seorang *liberalist*. Perkataan liberal pula mungkin berubah mengikut konteks sesebuah negara. *Liberalisme* menekankan hak-hak peribadi serta kesamarataan peluang.

Dalam fahaman liberalisme, pelbagai aliran dengan nama “liberal” mungkin mempunyai dasar dan pandangan yang berlainan, tetapi secara umumnya aliran-aliran ini bersetuju dengan prinsip-prinsip berikut termasuk kebebasan berfikir dan kebebasan bersuara, batasan kepada kuasa kerajaan, kedaulatan undang-undang, hak individu ke atas harta persendirian, pasaran bebas, dan ketelusan sistem pemerintahan. Mereka yang liberal menyokong sistem kerajaan demokrasi liberal dengan pengundian yang adil dan terbuka, di mana semua rakyat mempunyai hak-hak yang sama rata di bawah undang-undang.

Islam menggariskan bahawa manusia adalah hamba kepada Tuhan. Hakikat ini tidak mungkin dapat dihapuskan, iaitu manusia tidak mungkin bebas daripada Tuhan, kerana manusia selamanya berhutang akan kewujudannya kepada Tuhan. Oleh kerana itu, *ad-din* iaitu agama, menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995) adalah keberhutangan (indebtedness). Oleh yang demikian, penerimaan seorang Muslim terhadap konsep *liberty* dari segi harfiah hanya terbatas pada makna

literal yang horizontal dan bukan vertikal. Sebagai individu Muslim, mereka mempunyai kebebasan yang terpandu oleh wahyu untuk kebaikan masyarakat.

Dapat disimpulkan di sini bahawa liberalisme bukan hanya suatu ideologi politik, tetapi merupakan suatu kepercayaan, cara hidup yang mengatur masyarakat Barat pada umumnya. Sebagai suatu fahaman tentang kehidupan, ia memiliki asas, tiang dan prinsip-prinsip yang dibangunkan oleh para pemikirnya. Para ideolog inilah yang bertanggungjawab menggariskan maksud, prinsip-prinsip dan hala tuju liberalisme. Sebahagian daripadanya baik dan sebahagian yang lain adalah buruk jika dinilai daripada kaca mata Islam.

Dalam Islam, kita mengenal konsep pertanggungjawaban secara individu, bahawa manusia akan bertanggungjawab secara individu di hadapan Allah SWT. Ini bermakna segala dosa perbuatannya akan menjadi tanggungannya sendiri dan tiada orang yang akan menanggungnya. Namun, ini tidak bermakna bahawa perbuatannya itu tidak akan memberi apa-apa kesan sama ada baik ataupun buruk kepada orang lain. Justeru, dalam Islam sebagaimana maksud hadith riwayat Ibn Majah bahawa setiap perbuatan yang baik akan diambil kira bukan sahaja perbuatan itu sahaja tetapi juga bagaimana ia memberi kesan kepada orang lain. Jika perbuatan yang baik itu menjadi penyebab kepada banyak perbuatan baik yang lain maka orang yang memulakannya akan mendapat ganjaran daripada setiap perbuatan baik yang datang setelahnya. Demikian juga sebaliknya.

Islam mengikut pengertian yang sebenar ini yang dikemukakan dalam karya para ulama Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah. Salah tafsiran dan penyelewengan yang dilakukan oleh beberapa pihak lain telah mengatasi liberalisme, bahkan mampu menunjukkan kecelaruan dan kesilapan liberalisme, baik sebagai falsafah politik, falsafah moral, mahupun sebagai



pandangan alam (*worldview*) yang keliru. Sememangnya umat Islam mengamalkan dasar keterbukaan terhadap tamadun lain. Kita boleh sahaja mengambil idea dan pencapaian dalam sains dan teknologi peradaban lain jika ternyata ianya bermanfaat bagi kita, namun jika ternyata idea-idea itu bertentangan dengan prinsip-prinsip agama, nilai-nilai murni yang kita pegang, dan mendatangkan keburukan kepada jati diri kita, maka tiada alasan mengapa idea tersebut perlu diikuti. (Khalif Muammar, 2018)





PENUTUP

Kesimpulannya, Islam tidak membeza-bezakan manusia hanya dengan berdasarkan kepercayaan kerana Islam telah memberi semua hak asasi kepada manusia tanpa sebarang perbezaan dan sekatan. Bahkan dalam masa yang sama, menyatupadukan semua atas prinsip kemanusiaan sejagat. Adalah menjadi harapan agar konsep rahmah ini dapat dinikmati oleh bukan hanya kepada orang Islam sahaja bahkan turut dirasakan oleh orang bukan Islam. Sesungguhnya apa yang dicita-cita serta diperjuangkan adalah menuju keredaan Allah SWT, menghapuskan kezaliman, penindasan dan menegakkan keadilan tanpa mengenal kaum, agama serta sempadan geografi.

Dalam membina dan menyuburkan suasana kehidupan yang harmoni, pembangunan kerangka konsep *Rahmatan Lil Alamin* di Malaysia ini seharusnya mengambil kira asas-asas konsep tersebut seperti yang termaktub di dalam al-Quran dan hadith Nabi SAW iaitu secara asasnya, Islam meletakkan prinsip kedamaian, berbuat baik dan adil kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan agama. Namun, dalam perihal akidah, syariah dan syiar Islam, penjagaan kedudukan agama Islam haruslah dipelihara dalam negara yang menobatkan Islam sebagai Agama Persekutuan.

Dalam aspek perkara yang mempunyai perselisihan dalam kalangan sarjana Muslim serta urusan siyasah, pemimpin seharusnya mengambil keputusan yang sewajarnya dengan tidak mengetepikan keadilan dan

kesejahteraan rakyat melalui pendekatan Maqasid Syariah. Pertimbangan terhadap kebaikan (*masalih*) dan keburukan (*mafsadah*) seharusnya menjadi asas utama dalam meletakkan garis panduan berhubung perkara ini bagi memperkukuh keharmonian kaum di negara ini.



RUJUKAN

Abdul Monir Yaacob. 1986. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam: Sejarah dan Konsepnya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Sanusi Azmi & Mohd Yusuf Ismail. 2018. *Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia*. Journal of Hadith Studies Vol. 3. No. 1(2-SI).

Al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad Ibn al-Husayn. (2003) *al-Sunan al-Kubra*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyya

Al-Bukhari, Muḥammad Ibn Ismail Ibn Ibrahim. (1422H). *Ṣaḥīḥ Al-Bukhari*, Edt. Muḥammad Al-Naṣir. Dar Tuq Al-Naja.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail Ibn Umar Ibn Kathir. (1419H). *Tafsir al-Quran al-Azim* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Majah, Abu Abdillah Muhammad Yazid, *Sunan*. Dar Ihya Al-Kutub Al-Arabiyya.

Al-Nasa'i, Abu Abd al-Rahman Ahmad ibn Shuayb. (1986), *Sunan al-Nasa'i*, Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.

Al-Sijistani, Abu Daud Sulayman Ibn al-Ash'ath. (2009). *Sunan Abu Daud*. Dar al-Risalah al-Alamiyyah

Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman Ibn Ahmad. (t.t.). *Al-Mu'jam al-Kabir* Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah

Al-Tirmizi, Muhammad Ibn Isa Ibn Surah. (1998). *Sunan al-Tirmizi*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami

Aunur Rafiq. 2009. *Pendamaian Menurut Perspektif al-Qur'an: Analisis tentang Hubungannya dengan Piagam Madinah*. Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

Anwar Ibrahim (1979). '*Islam Penyelesaian Kepada Masalah Masyarakat Majmuk*' dalam Diskusi. Jilid 4:7. Julai-Ogos 1979.

Arnold, T. W. 1968. *The Preaching of Islam: A History of the Propagation of the Muslim Faith*. Pakistan: Ashraf Press.

Hamka (Haji Abdul Malik AbdulKarim Amrullah), (1985). *Tafsir al-Azhar Juzu' 28-29-30*. Jakarta: Pustaka Panjimas.

Irwan Shafrizan Ismail (2018). "*Jumlah Penduduk Malaysia 32.4 juta*" dalam *MyMetro*. 1 Ogos 2018

Kamus Dewan. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Khalif Muammar. 2018. *Islam dan Liberalisme: Antara Masalah dan Mafsadah*. Afkar Vol. 20, Issue 2: 1-52.

Mat Saad Abd. Rahman (1995). "*Kedudukan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam (622M-1924M)*" dalam *Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk*. Cet 1. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Moh. Ali Aziz. 2004. *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Prenada Media

Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. 2011. *Uruf Majmuk Konsep dan*

Amalannya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. Jurnal Fiqh 8: 45-64.

Mohd Anuar Ramli *et. al.* (2018). *Isu-isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan dalam “Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari”*.

Said Hawwa. (t.t.) *al-Asas fi al-Tafsir*.Kaherah: Dar al-Salam.

Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. (Kuala Lumpur: ISTAC, 1995), 42-49.

Sumber Internet

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>

[https://www.academia.edu/36553661/BAB 2: Nilai-nilai Universal dalam Tamadun](https://www.academia.edu/36553661/BAB_2:_Nilai-nilai_Universal_dalam_Tamadun).

https://ms.wikipedia.org/wiki/Kewarganegaraan_Malaysia.

<https://www.slideshare.net/biiey/cabaran-cabaran-dalam-mengeratkan-hubungan-etnik>



KONSEP RAHMAH DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT MAJMUK

Dalam membina dan menyuburkan suasana kehidupan yang harmoni, pembangunan kerangka konsep *Rahmatan Ill Alamin* di Malaysia ini seharusnya mengambil kira asas-asas konsep tersebut seperti yang termaktub di dalam al-Quran dan hadith Nabi SAW iaitu secara asasnya, Islam meletakkan prinsip kedamaian, berbuat baik dan adil kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan agama. Namun, dalam perihal akidah, syariah dan syiar Islam, penjagaan kedudukan agama Islam haruslah dipelihara dalam negara yang menobatkan Islam sebagai Agama Persekutuan.

Dalam aspek perkara yang mempunyai perselisihan dalam kalangan sarjana Muslim serta urusan siyasah, pemimpin seharusnya mengambil keputusan yang sewajarnya dengan tidak mengenenpikan keadilan dan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan Maqasid Syariah. Pertimbangan terhadap kebaikan (*masalih*) dan keburukan (*mafsadah*) seharusnya menjadi asas utama dalam meletakkan garis panduan berhubung perkara ini bagi memperkukuh keharmonian kaum di negara ini.



إتقوا الله وان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA